

26/07/2000

Wawasan Shamsudin mantapkan Sapura

Abdul Halim Yusoff

APABILA Shamsuddin Abdul Kadir (sekarang Tan Sri) menubuhkan Sapura Holdings, sempena nama isterinya 25 tahun lalu, beliau tidak pernah menjangka syarikat itu akan muncul menjadi antara syarikat teknologi terkemuka seperti sekarang.

Kejayaan itu sudah tentu bukanlah takdir semata-mata tetapi ia bersandarkan kepada wawasan dan keberanian syarikat menerima pakai dan menyesuaikan dengan teknologi terkini.

"Barangan yang dipamerkan di lobi bangunan ini menunjukkan dengan jelas keupayaan dan kemahiran yang dimiliki kumpulan ini.

"Ia juga menunjukkan peranan yang terus kami mainkan dalam melaksanakan projek penting untuk kerajaan dan masyarakat keseluruhan," katanya.

Beliau berucap pada majlis perasmian bangunan ibu pejabat baru serta sambutan ulang tahun ke-25 Kumpulan Sapura di The Mines Sri Kembangan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam kelmarin.

Bagi anak kelahiran Ipoh, Perak 69 tahun lalu, Shamsuddin, lulusan Kolej Teknikal Brighton, United Kingdom dalam kejuruteraan elektrik, pembukaan rasmi bangunan baru dan sambutan ulang tahun ke-25 itu bukanlah semata-mata tanda kewujudan sejak 25 tahun lalu tetapi ia memberi isyarat permulaan kepada fasa pembangunan dan pertumbuhan baru.

Mengimbas sejarah perjalanan kumpulan itu dalam tempoh sesuku abad, Shamsuddin berkata, syarikat itu bermula kecil dengan hanya enam kakitangan yang berkongsi impian dan keyakinan yang sama.

Dijana dengan impian dan keyakinan itulah, Sapura mencatatkan kejayaan demi kejayaan hingga menjadi jenama isi rumah dalam bidang telekomunikasi.

Shamsuddin berkata, perjalanan yang panjang itu bukanlah dengan tanpa cabaran. "Tanyalah mana-mana syarikat baru mula dan mereka akan memberitahu anda bagaimana rasanya terperangkap dalam kitaran ganas kekurangan pengalaman dan dana."

"Anda tidak ada pengalaman jadi kami tidak boleh memberikan pinjaman untuk anda mengembangkan perniagaan yang akan memberikan anda pengalaman itu," katanya sinis mengenai kesukaran pada masa lalu syarikat baru mula mendapat pinjaman.

Akan tetapi keadaannya lebih baik sekarang. Kerajaan, menurut Samsuddin sudah memudahkan bagi syarikat baru memulakan perniagaan menerusi pelbagai dana.

"Pegawai pemproses pinjaman juga sekarang sudah semakin cekap dan bertimbang rasa," katanya.

Melupakan pengalaman pahit lalu, Sapura kini menyandarkan matlamat perniagaan dan memenuhi agenda sosialnya pada masa depan kepada 3A iaitu Awareness (kesedaran), Alignment (jajaran) dan Action (tindakan).

Diperbadankan pada 1975, Kumpulan Sapura terbabit dalam telekomunikasi, teknologi maklumat (IT), penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan industri berasaskan logam dan pertahanan.

Dalam bidang IT, sebagai antara pembekal terbesar produk dan perkhidmatan IT, Sapura menyumbang penting kepada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Leburaya Maklumat.

Peneroka dalam bidang telekomunikasi, pembabitan Sapura meliputi pelbagai aspek termasuk reka bentuk, pembuatan, pemasangan, operasi dan membangunkan sistem dan rangkaian komunikasi canggih.

(END)